

Jarak penglihatan merosot, titik panas bertambah, lapangan terbang lumpuh

# Jerebu semakin buruk di Sumatera

**JAKARTA, INDONESIA**

- Agensi Pengurusan Bencana Nasional Indonesia mendedahkan keadaan jerebu di Sumatera bertambah buruk sehingga mengklasifikasikannya dalam kategori amat tidak sihat selepas jarak penglihatan merosot hanya sekitar 90 meter.

Jurucakap Agensi Pengurusan Bencana Nasional, Sutopo Nugroho berkata, situasi tersebut berpunca daripada pertambahan jumlah titik panas yang menyebarkan jerebu iaitu daripada 151 kepada 413.

Katanya, jerebu yang berpunca daripada pembakaran hutan di Sumatera itu turut menyebabkan Lapangan Terbang Sultan Thaha di wilayah Jambi lumpuh.

"Sekurang-kurangnya 36 penerbangan keluar masuk dari Jambi dibatalkan kelmarin selepas jarak penglihatan terhad kepada cuma 90 meter.

"Lapangan terbang itu masih lumpuh semalam kerana masalah jarak penglihatan belum menunjukkan perubahan.

"Sebuah pesawat yang digunakan untuk memadamkan kebakaran hutan pula gagal berlepas," kata Ketua Pengurusan Bencana di Jambi, Muhammad Suad.

## INFO Bacaan udara setakat 7 petang semalam


Lokasi	IPU
Nilai, Negeri Sembilan	132
Bukit Rambai, Melaka	125
Bandar Raya Melaka	112
Samarahan, Sarawak	105
Port Dickson, Negeri Sembilan	105
Batu Muda, Kuala Lumpur	105
Seremban, Negeri Sembilan	102
Banting, Selangor	99
Muar, Johor	93
Paka, Terengganu	71
Ipoh, Perak	68
Perai, Pulau Pinang	67
Alor Setar, Kedah	57
Kota Bharu, Kelantan	56

## INFO Indeks IPU

- 0 dan 50 - baik
- 51 hingga 100 - sederhana
- 101 hingga 200 - tidak sihat
- 201 hingga 300 - sangat tidak sihat
- 300 ke atas - berbahaya

Minggu lalu, pemerintah maklumkan bahawa lebih 25 juta orang di Sumatera dan Pulau Borneo terdedah kepada jerebu, manakala darurat jerebu telah diisytiharkan di enam wilayah di Sumatera dan Kalimantan.

Sementara itu, di Malaysia, kualiti udara tidak sihat dicatatkan di tujuh kawasan setakat 7 petang semalam dengan negeri



ANGGOTA bomba memadamkan kebakaran terbuka di kawasan belukar di Ogan Ilir, selatan Sumatera yang menjadi antara punca utama pencemaran jerebu.



SEORANG pengawas peperiksaan, Mohd. Razid Mohd. Rahim (kiri) membantu calon UPSR, Aiman Amirul memakai topeng penutup muka di Seremban semalam.

yang teruk ialah Negeri Sembilan dan Melaka.

Sementara itu, Jabatan Pendidikan Melaka membekalkan topeng penutup muka di semua sekolah negeri tu.

Pengarah Pendidikan negeri, Datuk Md. Rashid Hussin berkata, inisiatif berkenaan dilakukan untuk memastikan kesihatan pelajar dan calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tidak terjejas.

Beberapa buah sekolah di Negeri Sembilan turut mengedarkan topeng penutup muka kepada calon yang menduduki peperiksaan UPSR semalam.

## Peta menunjukkan sebaran titik panas di Sumatera yang dirakamkan oleh satelit

